

Ekspresi benci rasuah melalui lukisan

Tujuh lukisan pelajar hiasi muka hadapan Buku Laporan Tahunan SPRM 2021

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB PUTRAJAYA**

Sebanyak tujuh lukisan pelajar sekolah menengah dipilih menghiasi muka hadapan Buku Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2021 yang diserahkan secara rasmi kepada panel Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) sebagai tanda pengiktirafan hasil seni tersebut.

Kesemua lukisan itu dihasilkan melalui pertandingan melukis poster yang diadakan melalui e-Program Wira Anti Rasuah

(WAR) Sekolah Menengah SPRM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Peringkat Kebangsaan Tahun 2020.

Pemilihan semua poster bertujuan untuk menyampaikan mesej bahawa setiap lukisan adalah ekspresi kebencian pelajar terhadap sebarang bentuk perbuatan rasuah.

Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Hua Lian, Taiping Perak, Ng Si Ying berkata, ilham menghasilkan lukisan tersebut menerusi pembacaan di laman web, selain merujuk kepada portal SPRM.

"Lukisan saya menggunakan tangan sebagai simbolik menolak rasuah dan logo SPRM sebagai satu agensi penguat kuasa membanteras rasuah di negara ini serta ingin menyampaikan mesej kepada pemimpin bahawa kami mahukan sebuah negara bebas rasuah," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan buku Laporan



Dari kiri, Doreen, Gracelyn, Norazlan, Ahmad Khusairi, Abu Zahar, Si Ying dan Lim Siew Lan bergambar pada majlis penyerahan buku Laporan Tahunan SPRM 2021 kepada panel LPPR di Putrajaya pada Selasa.

Tahunan SPRM 2021 kepada panel LPPR, di sini pada Selasa.

Pada majlis itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya menyerahkan

buku Laporan Tahunan SPRM 2021 kepada Pengerusi LPPR, Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan

Mohd Razali.

Ahmad Khusairi dalam ucapannya berkata, buku itu mengandungi laporan komprehensif aktiviti SPRM sepanjang tahun 2021 berkaitan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan dalam usaha SPRM memerangi jenayah rasuah.

Seorang lagi pelajar Tingkatan Empat, Gracelyn Loh Yee Thing dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Perempuan China, Pulau Pinang pula berkata, dia mengambil masa selama dua minggu untuk menghasilkan lukisannya.

Ibu pelajar itu, Doreen Tan Ping Ping ketika ditemui menyambut baik pertandingan seumpama itu diadakan sebagai salah satu cara untuk mendidik generasi muda khususnya para pelajar sekolah mengenai rasuah.

Buku Laporan Tahunan SPRM 2021 boleh didapati di portal SPRM dengan melayari laman web www.sprm.gov.my.

ISES 2022: Kembali dengan pengisian lebih mantap

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia akan mengadakan Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) 2022 buat kali kelima dengan tema 'Memperkasakan Peralihan Tenaga' pada 29 dan 30 Ogos ini.

Program anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) itu bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia, Datuk Hamzah Hussin berkata, ISES 2022 adalah sebahagian hasil cetusan idea daripada Teras Strategik 5 Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu Negara (NREPAP) 2010 yang merangkumi promosi serta kesedaran tenaga lestari.

ISES 2022 bakal menyaksikan perbincangan intelek dan strategik mengenai langkah-langkah

serta tindakan ke arah mencapai sasaran Tenaga Boleh Baharu (TBB), selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai 31 peratus campuran kapasiti terpasang TBB menjelang 2025 dan 40 peratus menjelang 2035.

"Persidangan ini akan membincangkan isu-isu yang menyokong tema memperkasakan peralihan tenaga daripada perspektif teknologi, model perniagaan, pembiayaan dan dasar kerajaan.

"Ya turut merangkumi sesi meneroka inovasi digital dalam sistem elektrik, sekali gus mewujudkan sektor rendah karbon," katanya kepada *Sinar Harian*.

ISES 2022 adalah kesinambungan daripada Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) yang mempunyai tujuan sama dalam mewujudkan sektor tenaga rendah karbon.

Persidangan kali ini akan memaparkan pameran yang lebih besar dengan penyertaan

daripada syarikat-syarikat berjenama unggul dalam bidang tenaga lestari.

ISES 2022 akan menjadi platform yang mengumpulkan pemimpin korporat, pembuat dasar, pemain industri, badan pemikir dan pengamal daripada sektor awam serta swasta dan masyarakat bagi sama-sama membincangkan agenda kelestarian tenaga negara.

"Saya percaya persidangan ini bakal memacu pembangunan tenaga mampan di rantau ini, di samping meningkatkan lagi jaminan tenaga negara dan mengukuhkan usaha mitigasi perubahan iklim.

"SEDA Malaysia sedar peranannya yang penting dalam membentuk masa depan tenaga di negara ini. Kami akan terus menjalankan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi memastikan negara dapat mencapai sasaran yang ditetapkan, sekali gus

menangani isu perubahan iklim dan pelepasan gas rumah hijau," kata Hamzah.

ISES 2022 akan mengadakan empat sesi pleno dan 10 bengkel perbincangan mendalam di mana kira-kira 70 pemimpin pemikir antarabangsa dan tempatan diundang sebagai penceramah.

Topik utama yang akan dibincangkan termasuklah memperkasakan peralihan tenaga, pembangunan karbon tenaga rendah mampan dan pembiayaan peralihan tenaga.

Penaja kategori Platinum bagi ISES 2022 ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB), Petronas, Cenergi SEA Berhad, Concord Renewable Energy Sdn Bhd, Malakoff Corporation Bhd dan OHP Ventures Sdn Bhd, manakala penaja kategori Diamond ialah NUR Power Sdn Bhd.

Untuk mendaftar dan mengetahui lebih lanjut mengenai ISES 2022, sila layari www.ises.gov.my.

Barisan panel penceramah ISES 2022

- Pakar Ekonomi Utama bagi Malaysia Kumpulan Bank Dunia, Dr. Apurva Sanghi** – pakar ekonomi tersohor yang sebelum ini pernah berkhidmat di pejabat Bank Dunia di Moscow dan Nairobi memantau ekonomi Rusia dan Afrika Timur (Kenya, Rwanda, Uganda dan Eritrea). Pernah mengetuai Kluster Pertumbuhan Ekonomi Bank Dunia di Washington D.C.
- Pakar Kewangan Infrastruktur Kumpulan Bank Dunia, Prajakta Chitre** – berpangkalan di Singapura, berpengalaman lebih 13 tahun dalam bidang kewangan infrastruktur merentasi sektor tenaga, pengangkutan dan air yang mengusahakan pelbagai urus niaga.
- Pengerusi Bursa Malaysia Berhad, Tan Sri Abdul Wahid Omar** – pemimpin korporat di Malaysia yang berjaya menerajui empat organisasi utama dalam pembangunan infrastruktur, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan pengurusan pelaburan.
- Duta Besar Kesatuan Eropah ke Malaysia, Michalis Rokas** – mempunyai pengalaman 26 tahun dalam bidang hal ehwal luar negeri setelah menyertai Direktorat Perhubungan Luar Suruhanjaya Kesatuan Eropah pada tahun 1994.
- Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Dr Justin Lee** – pernah berkhidmat di luar negara sebagai Ketua Misi di Bangladesh, Timbalan Ketua Misi di Jakarta dan Port Moresby.

Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) 2022

International Sustainable Energy Summit



Memperkasakan Peralihan Tenaga

	29 & 30 Ogos 2022		Memperkasakan Peralihan Tenaga
	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur		Sasaran: 4,500 kehadiran secara fizikal
	30 pempamer		Lebih 70 penceramah